

Dr Mahathir enggan beri ulasan

Oleh Hassan Omar
dan Jalal Ali Rahim

SERIKEMBANGAN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengkritik hebat kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak sampai 24 jam selepas pertemuan empat mata mereka, Ahad lalu, enggan memberikan sebarang ulasan, ketika ditemui semalam.

Beliau yang ditemui pemberita ketika rumah terbuka di rumahnya di sini, menunjukkan isyarat tidak mahu ditemu bual sambil memusing-musingkan tangannya.

Kira-kira 7,000 orang menghadiri

majlis rumah terbuka Dr Mahathir yang turut diiringi isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Antara orang kenamaan yang menghadiri majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsudin; bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beberapa tokoh korporat termasuk Ananda Krishnan, Tan Sri SM Nasimuddin Amin dan Tan Sri Lee Kim Yew turut mengunjungi rumah terbuka beliau.

Sementara itu, anak Dr Mahathir,

Datuk Mokhzani yang ditemui pada majlis itu berkata, beliau percaya perdamaian yang diharap banyak pihak antara bapanya dan Abdullah hanya akan berhasil jika Perdana Menteri dan kerajaan mengambil tindakan terhadap apa disuarakan bapanya.

"Pertemuan mereka (Ahad lalu) bukan sesi berdamai tetapi pertemuan untuk menyatakan perkara yang menjadi perhatian serius Tun serta kebimbangan pihak lain," katanya.

Mokhzani berkata, kenyataan bapanya selepas pertemuan itu bukan kritikan, sebaliknya sekadar mengulangi apa yang dibangkitkan secara peribadi kepada Abdullah.

Katanya, kenyataan Timbalan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kerajaan akan menjawab panjang lebar semua isu dibangkitkan memang dinanti-nantikan bapanya.

"Saya percaya itulah yang beliau (Dr Mahathir) tunggu selama ini...mungkin lepas raya (jawapan akan diberi)," katanya,

Sementara itu, Rais berkata, Dr Mahathir dan Abdullah perlu diberi peluang mengadakan pertemuan seterusnya untuk menyelesaikan masalah mereka.

"Saya harap tiada sesiapa mengahil kesempatan atau mencetuskan spekulasi tidak baik kerana Dr Mahathir dan Pak Lah bebas untuk bertemu pada bila-bila masa," katanya.